

KEJUARAAN SILAT OLAHRAGA

Abd Malik, Suzana pesilat terbaik Perak '88

B. Harian (M)

Oleh AZIZAN HASHIM - 5 JUL 1988

ABDUL MALIK MOHD ZAIN dari Kinta dan Suzana Abdul Rashid dari Batang Padang dipilih sebagai pesilat terbaik lelaki dan wanita Perak '88 setelah menjuarai Kelas F dan C di Kejuaraan Silat Olahraga/Seni Tertutup Perak di Gelanggang Budaya Ipoh, kelmarin.

Abdul Malik menumpaskan Rosli Abdullah dari Bagan Datoh, manakala Suzana mengetepikan Zanariah Mat Noor juga dari Bagan Datoh.

Suzana terpaksa bekerja keras dengan menggunakan ketangkasan dan pertahanan yang baik sebelum menyingkirkan Zanariah.

Sementara itu, Noor Yati Shafie (Kelas B) dari Batang Padang dan Noraika Mohd Ramli (Kelas D) dari Bagan Datoh menang tanpa bertanding.

Juara pesilat itu akan mengetuai Perak ke Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai hingga 2 Ogos ini.

Mereka ialah Azahari Mohd Som (Kelas A), Azli Mohd Salleh (B), Rosli Hamid (C), Fauzi Lazim (D), Mahfuz Abdullah (E), Abdul Malik Mat Zain (F), Mohd Noor Samad (G), Ismail Ramli (H), Abdul Raji Basri (I), Tajol Rosli Shahan bagi Kelas Bebas.

Manakala pesilat wanita pula, Zainal Zuliza Abidin (Kelas A), Noor Yati Shafie (B), Suzana Abdul Rashid (C), Noraika Mahd Ramli (D), Rozian Abadi Makmum bagi Kelas E.

Seramai 105 pesilat daripada tujuh daerah iaitu Kinta, Batang Padang, Bagan Datoh, Kuala Kangsar, Kerian, Larut/Matang dan Perak Tengah menyertai kejuaraan itu.

Bagan Datoh menjuarai acara berpasukan untuk memenangi Piala Sultan Perak apabila mengutip 28 mata, manakala Kinta di tempat kedua dengan 26 mata.

Sementara itu dalam bahagian seni, Pertubuhan Silat Serumpun

dari Batang Padang keluar sebagai juara dan Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia Cawangan Perak empat kedua.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Abdul Rahman Sulaiman menyampaikan hadiah kepada pemenang.

■ **DI MELAKA**, Juara Silat Dunia Kelas B, Ahmad Wardi Salim adalah antara 60 pesilat yang akan menyertai Kejuaraan Silat Olahraga/Seni Tertutup Melaka di Gelanggang Budaya, Air Keroh, Jumaat ini untuk memilih pesilat ke kejohanan kebangsaan hujung bulan ini.

Selain Wardi, juara kebangsaan Kelas A '86, S B Afeid Buang turut menyertai semula kejuaraan selama tiga hari itu.

Sebanyak tiga katogeri silat dipertandingkan iaitu silat olahraga lelaki dan wanita serta silat seni.

SILAT

Nazrah johan

Kelas A

B. Harian (M)

Kejuaraan Selangor

11 JUL 1988

NAZRAH ABDUL LATIF menjadi juara baru Kelas A apabila menyingkirkan pemenang pingat perak Silat Sedunia, Normala Yaacob, di Kejuaraan Silat Olahraga/Seni Selangor di Dewan Hamzah Klang semalam.

Dengan kekalahan itu, Normala secara automatik gugur daripada skuad kebangsaan Sukan SEA '89. Nasib yang sama diterima oleh Mohd Khairi Abdul Rahman apabila tewas kepada Rozaidi Ismail dari Gayong Fatani.

Nazrah dari Ulu Langat bertindak tangkas tanpa perasaan gentar bagi menyingkirkan Normala. Kepantasan lawan sukar disekat oleh pesilat negara itu.

Bagi Rozaidi, kedudukan Mohd Khairi sebagai pesilat kebangsaan bukan alasan untuknya menjuarai Kelas C. Kepintaran Rozaidi mencari kelemahan pemenang pingat gangsa Kejuaraan Silat Sedunia itu berhasil mencuri mata kemenangan.

Juara kejuaraan ini akan mewakili Selangor di Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson daripada 28 Julai hingga 2 Ogos ini.

Sementara itu, Setiausaha Majlis Silat Selangor (Masis), Idris Johari, berkata walaupun kekalahan dua pesilat kebangsaan begitu mengejutkan, ia membuktikan peningkatan muka-muka baru di negeri itu.

Tiga lagi pesilat kebangsaan termasuk dua pemenang pingat emas Sukan SEA, Ahmad Khaisari Ibrahim dan Ahmad Rafie Yaacob serta Ruzaidi Abdul Rahman akan menentukan nasib mereka nanti.